

TAZKIRAH MINGGU INI (T.M.I.): SENYUMAN SUATU SEDEKAH

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 11 Julai 2011 9:39

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

11 JULAI 2011/9 SYAABAN 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dikemukakan Tazkirah Minggu Ini (T.M.I) oleh Pusat Islam untuk renungan bersama:

Senyuman Suatu Sedekah

Daripada Jabir bin Abdullah r.a. katanya: "Rasulullah SAW bersabda "Tiap-tiap perkara yang makruf menjadi sedekah. Antara perkara yang makruf itu ialah hendaklah engkau (semasa) bertemu dengan saudaramu (sesama anak Adam) biarlah dengan muka yang manis dan (kalau ada yang meminta air) hendaklah engkau tuangkan timbamu ke dalam bekas air yang dibawahnya".
(Riwayat Ahmad)

Huraian

1. Makruf adalah segala perkara yang diketahui umum tentang kebbaikannya sama ada dari segi syarak atau dari segi adat (yang tidak bercanggah dengan syarak). Manakala perkara yang mungkar pula adalah sebaliknya.
2. Setiap mukmin hendaklah sentiasa bermuka manis dan berbudi bahasa tinggi semasa berhubung dengan orang lain kerana hal ini juga dianggap sebagai satu sedekah. Ini kerana senyuman dapat mempengaruhi penampilan seseorang sehingga orang merasa lebih dihargai.
3. Inilah kelebihan Islam yang menggalakkan umatnya sentiasa mengamalkan akhlak karimah dan memperincikan setiap ajarannya dari setiap sudut termasuklah berkaitan dengan senyuman.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Ustazah Madiah binti Mohamed Ibrahim di talian 04-928 5806.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my